



**SOALAN LAZIM (FAQ)  
PENDIGITALAN JPJ MALAYSIA:**

**FUNGSI PEMBAHARUAN  
LESEN KENDERAAN MOTOR DIGITAL (e-LKM)  
LESEN MEMANDU MALAYSIA DIGITAL (e-LMM)  
MELALUI APLIKASI MyJPJ**

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
<b>A. APLIKASI MyJPJ</b>		
1.	Apakah itu MyJPJ	MyJPJ merupakan aplikasi mudah alih Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia yang membolehkan orang awam melakukan transaksi atau urusan menggunakan telefon pintar ( <i>smartphone</i> ).
2.	Apakah perkhidmatan atau urusan yang ditawarkan di MyJPJ?	<p>Perkhidmatan yang ditawarkan di aplikasi MyJPJ adalah seperti berikut:</p> <p><b>1. Pelesenan Kenderaan</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Paparan Lesen Kenderaan Motor Digital (e-LKM)</li> <li>Pautan ke Sistem Bidaan Nombor Kenderaan (JPJeBid)</li> <li>Semakan Nombor Pendaftaran Kenderaan Terkini</li> <li>Semakan Lesen Kenderaan Motor (LKM)</li> <li>Pembaharuan Lesen Kenderaan Motor (LKM)</li> <li>Kongsi e-LKM</li> </ol> <p><b>2. Pelesenan Pemandu</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Paparan Lesen Memandu Malaysia Digital (e-LMM)</li> <li>Semakan Lesen Memandu Malaysia (LMM)</li> <li>Semakan Keputusan Ujian Memandu</li> <li>Pembaharuan Lesen Memandu Malaysia (LMM)</li> </ol> <p><b>3. Saman JPJ</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Semakan Saman</li> <li>Semakan Mata Demerit</li> <li>Semakan Senarai Hitam</li> </ol> <p><b>4. Perkhidmatan Umum</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>JPJeQ</li> <li>e-Aduan@JPJ</li> <li>Sejarah Transaksi</li> </ol>

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
3.	Siapakah yang boleh menggunakan aplikasi MyJPJ?	<p>Buat masa ini, aplikasi MyJPJ hanya boleh digunakan oleh individu Warganegara Malaysia yang mempunyai JPJeID bagi perkhidmatan dalam talian JPJ.</p> <p>Capaian kepada aplikasi MyJPJ bagi Bukan Warganegara atau kategori syarikat (bukan individu) sedang dibangunkan dan akan dimaklumkan kelak.</p>
4.	Di mana saya boleh muat turun aplikasi MyJPJ?	<p>Aplikasi MyJPJ boleh dimuat turun melalui platform mudah alih:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Apple App Store;</li> <li>b) Google Play Store; dan</li> <li>c) Huawei AppGallery.</li> </ul>
5.	Adakah saya perlu mendaftar sebagai pengguna sebelum menggunakan aplikasi MyJPJ?	<p>Ya, pengguna perlu mendapatkan ID Pengguna dengan mendaftar JPJeID terlebih dahulu sebelum menggunakan aplikasi MyJPJ.</p> <p>Pendaftaran JPJeID boleh dibuat melalui saluran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Aplikasi Mudah Alih MyJPJ;</li> <li>b) Portal mySIKAP JPJ; (<a href="https://public.jpj.gov.my/public/login.zul">https://public.jpj.gov.my/public/login.zul</a>)</li> <li>c) Hadir di mana-mana Kios JPJ berdekatan;</li> <li>d) Hadir di Kaunter JPJ berdekatan; atau</li> <li>e) Hadir di mana-mana kaunter bergerak JPJ Mobile.</li> </ul>
6.	Apakah pra-syarat untuk saya mendaftar ID pengguna (JPJeID) aplikasi MyJPJ ini?	<p>Pra-syarat bagi mendaftar ID pengguna (JPJeID) adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Nama Penuh;</li> <li>b) Nombor Kad Pengenalan;</li> <li>c) Alamat emel yang sah; dan</li> <li>d) Nombor Telefon Bimbit yang sah.</li> </ul>

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
7.	Jika berlaku sebarang permasalahan untuk pendaftaran atau daftar masuk aplikasi MyJPJ, bagaimanakah saya hendak menyelesaikan masalah tersebut?	<p>Sekiranya terdapat sebarang masalah berkaitan aplikasi MyJPJ, anda boleh menghubungi saluran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) talian 03-8000 8000; atau</li> <li>b) talian 03-2724 2522; atau</li> <li>c) e-mel infodigital@jppj.gov.my</li> </ul>
<b>B. LESEN MEMANDU MALAYSIA DIGITAL (e-LMM)</b>		
8.	Apakah itu Lesen Memandu Malaysia Digital (e-LMM)?	<p>Pada masa ini, pemegang Lesen Memandu Malaysia (LMM) memiliki lesen memandu yang dicetak secara fizikal.</p> <p>Melalui Inisiatif Pendigitalan JPJ, Lesen Memandu Digital (e-LMM) tidak perlu lagi dicetak secara fizikal dan terus dipaparkan secara digital di telefon pintar (melalui aplikasi mudah alih MyJPJ) dan portal mySIKAP.</p>
9.	Apakah jenis lesen memandu yang dipaparkan di MyJPJ?	<p>Terdapat empat (4) jenis lesen memandu yang dipaparkan secara digital di dalam aplikasi MyJPJ iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Lesen Belajar Memandu (LDL)</li> <li>b) Lesen Memandu Percubaan (PDL)</li> <li>c) Lesen Memandu Kompeten (CDL)</li> <li>d) Lesen Memandu Vokasional</li> </ul> <p>Lesen yang dipaparkan adalah muka hadapan dan belakang lesen.</p>
10.	Apakah maklumat yang dipaparkan pada e-LMM?	<p>Sebagaimana LMM fizikal, e-LMM memaparkan Nama, Nombor Kad Pengenalan, Alamat Pemegang Lesen, Jenis Lesen Memandu, Kelas Lesen Memandu, Tarikh Kuatkuasa, Gambar Pemegang Lesen, No. Siri Lesen dan Kod <i>Quick Respond</i> (QR).</p>

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
11.	Sekiranya mempunyai lebih daripada satu (1) jenis lesen memandu, bagaimana cara untuk melihat lain-lain lesen tersebut?	Semua lesen memandu yang dimiliki akan dipaparkan secara digital melalui aplikasi MyJPJ termasuk Lesen Vokasional.
12.	<p>Apakah urusan pelesenan pemandu yang boleh didapati di dalam aplikasi MyJPJ?</p> <p>Nota: Bagi urusan seperti permohonan baharu, pembaharuan, syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh JPJ hendaklah dipatuhi sebelum transaksi dibenarkan selaras dengan Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan Kaedah-kaedah Pengangkutan Jalan.</p> <p>(Berkaitan dengan keperluan keputusan ujian, lesen tamat tempoh tidak melebihi 1 tahun/ 3 tahun &amp; Senarai Hitam JPJ/ PDRM).</p>	<p><b>1. Permohonan Jenis Lesen seperti berikut:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Lesen Belajar Memandu (LDL)</li> <li>b) Lesen Memandu Percubaan (PDL)</li> <li>c) Lesen Memandu Kompeten (CDL)</li> <li>d) Lesen Vokasional</li> </ul> <p><b>2. Pembaharuan Jenis Lesen seperti berikut:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Lesen Belajar Memandu (LDL)</li> <li>b) Lesen Memandu Kompeten (CDL)</li> <li>c) Lesen Vokasional</li> </ul> <p><b>3. Urusniaga lain:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Cabutan Maklumat Lesen Memandu</li> <li>b) Rayuan/ Semakan Lesen Memandu Tamat Tempoh</li> <li>c) Semakan Permohonan Pertukaran Lesen Memandu Luar Negara</li> </ul>

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
<b>C. LESEN KENDERAAN MOTOR DIGITAL (e-LKM)</b>		
13.	Apakah itu Lesen Kenderaan Motor Digital (e-LKM)?	<p>Pelaksanaan transaksi LKM secara dalam talian (<i>online</i>) dan paparan maklumat secara digital menggunakan aplikasi MyJPJ yang dimuatnaik dalam telefon pintar (<i>smartphone</i>) orang awam atau boleh diakses melalui portal mySIKAP.</p> <p>Melalui Inisiatif Pendigitalan JPJ, fizikal disk LKM tidak perlu lagi dicetak, dipamerkan atau dilekatkan pada cermin kenderaan sepertimana pada masa ini.</p>
14.	Bilakah pelaksanaan Pendigitalan LKM ini akan bermula?	Pendigitalan LKM dibuat secara berperingkat dengan peringkat pertama melibatkan paparan e-LKM Kenderaan Persendirian Individu (Warganegara Malaysia) secara digital melalui aplikasi MyJPJ atau portal mySIKAP bermula 10 Februari 2023 di seluruh negara.
15.	Sekiranya e-LKM diperkenalkan, adakah saya masih perlu cetak LKM fizikal?	Pada masa ini, orang awam masih diberikan pilihan sama ada memilih untuk mencetak dan mempamer fizikal disk LKM pada cermin kenderaan atau e-LKM secara digital melalui aplikasi MyJPJ atau portal mySIKAP.
16.	Bagaimana jika saya menggunakan kenderaan milik orang lain?	Pemilik kenderaan boleh berkongsi e-LKM dengan individu/ahli keluarga yang membawa kenderaan beliau melalui fungsi Kongsi e-LKM di dalam aplikasi MyJPJ.
<b>D. PEMBAHARUAN LESEN MEMANDU DIGITAL (e-LMM)</b>		
17.	Apakah saluran yang digunakan untuk melakukan pembaharuan LMM?	<p>Pembaharuan LMM boleh dibuat menerusi saluran seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Aplikasi MyJPJ;</li> <li>b) Kaunter JPJ;</li> <li>c) Pejabat Pos;</li> <li>d) MyEG;</li> <li>e) Kios JPJ</li> </ul>

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
		<p>f) Portal mySIKAP (<a href="https://public.jpj.gov.my/public/login.zul">https://public.jpj.gov.my/public/login.zul</a>); dan</p> <p>g) JPJ <i>Mobile</i>.</p>
18.	Adakah semua lesen boleh diperbaharui di MyJPJ?	<p>Tidak. Buat masa ini, pembaharuan di MyJPJ hanya melibatkan Lesen Memandu Kompeten (CDL) sahaja.</p> <p>Bagaimanapun, fungsi pembaharuan Lesen Belajar Memandu (LDL) sedang dalam fasa pembangunan dan akan dimaklumkan setelah tersedia kelak.</p> <p>Pembaharuan Lesen Memandu Vokasional hanya dibenarkan di kaunter sahaja kerana terdapat keperluan untuk pegawai JPJ melaksanakan verifikasi dokumen.</p>
19.	Bilakah LMM boleh diperbaharui?	<p>Pelanggan boleh memperbaharui LMM berdasarkan syarat berikut:</p> <p>a. Pelanggan boleh memperbaharui LMM pada bila-bila masa dengan syarat tidak melebihi tiga (3) tahun dari tarikh tamat kuatkuasa.</p> <p>b. Tempoh pembaharuan tidak melebihi sepuluh (10) tahun.</p> <p>c. Tidak mempunyai sekatan yang telah ditetapkan oleh JPJ.</p>
20.	Apakah kaedah pembayaran yang diterima di MyJPJ?	<p>Pelanggan boleh membuat pembayaran menggunakan kad kredit atau kad debit tempatan sahaja.</p> <p>Pembayaran menggunakan <i>bank transfer</i> dan <i>eWallet</i> sedang dibangunkan dan akan dimaklumkan setelah tersedia kelak.</p>
21.	Apakah gerbang pembayaran yang digunakan oleh JPJ?	<p>JPJ menggunakan Maybank sebagai gerbang pembayaran dan pelanggan akan melihat antaramuka Maybank semasa membuat pembayaran. Bagaimanapun, kad kredit atau kad debit tempatan dari perbankan lain juga diterima dan pelanggan bebas menggunakan kad dari</p>

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
		mana-mana bank tempatan.
22.	Bagaimana saya hendak membuat pembayaran pembaharuan LMM di MyJPJ?	<p>Terdapat dua (2) capaian menu untuk membuat pembaharuan LMM di aplikasi MyJPJ:</p> <p><b>a. Menu Pembaharuan Lesen Memandu</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Klik butang 'Pembaharuan';</li> <li>ii. Pilih Jenis Lesen;</li> <li>iii. Pilih Tempoh;</li> <li>iv. Pilih Mod Bayaran;</li> <li>v. Masukkan maklumat Kad Kredit / Kad Debit;</li> <li>vi. Klik butang '<i>Proceed</i>';</li> <li>vii. Kod Keselamatan/MSOS akan dihantar ke telefon bimbit oleh bank perkhidmatan yang digunakan;</li> <li>viii. Masukkan Kod keselamatan; dan</li> <li>ix. Paparan maklumat LMM terkini. Tekan butang 'Resit' untuk muat turun resit bayaran. Resit yang dipaparkan adalah resit ASAL.</li> </ol> <p><b>b. Profil Pengguna</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Klik tab 'Lesen Memandu';</li> <li>ii. Klik butang 'Pembaharuan';</li> <li>iii. Pilih Jenis Lesen;</li> <li>iv. Pilih Tempoh;</li> <li>v. Pilih Mod Bayaran;</li> <li>vi. Masukkan maklumat Kad Kredit / Kad Debit;</li> <li>vii. Klik butang '<i>Proceed</i>';</li> <li>viii. Kod Keselamatan/MSOS akan dihantar ke telefon bimbit oleh bank perkhidmatan yang digunakan;</li> <li>ix. Masukkan Kod Keselamatan; dan</li> <li>x. Paparan maklumat LMM terkini. Tekan butang 'Resit' untuk muat turun resit bayaran. Resit yang dipaparkan adalah resit ASAL.</li> </ol>

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
23.	Adakah maklumat LMM yang telah diperbaharui akan terus dipaparkan di Profil Pengguna?	Ya, maklumat LMM terkini akan dipaparkan. Sekiranya rekod LMM masih menunjukkan rekod lama, klik butang 'Jana Semula'.
<b>E. PEMBAHARUAN LESEN KENDERAAN MOTOR DIGITAL (e-LKM)</b>		
24.	Adakah semua LKM dipaparkan di MyJPJ?	Pada masa ini, MyJPJ hanya memaparkan LKM kenderaan persendirian individu (Warganegara) sahaja.
25.	Bilakah LKM boleh diperbaharui?	Pelanggan boleh memperbaharui LKM berdasarkan syarat berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>a. LKM akan tamat dalam tempoh kurang dari dua (2) bulan.</li> <li>b. Insurans telah dibeli dan sah untuk tempoh enam (6) atau dua belas (12) bulan.</li> <li>c. Tidak mempunyai sekatan yang telah ditetapkan oleh JPJ.</li> </ul>
26.	Apakah saluran yang digunakan untuk melakukan pembaharuan LKM?	Pembaharuan LKM boleh dibuat menerusi saluran seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Aplikasi MyJPJ;</li> <li>b) Kaunter JPJ;</li> <li>c) Pejabat Pos;</li> <li>d) MyEG;</li> <li>e) PUSPAKOM;</li> <li>f) Kios JPJ;</li> <li>g) Portal mySIKAP (<a href="https://public.jpj.gov.my/public/login.zul">https://public.jpj.gov.my/public/login.zul</a>); dan</li> <li>h) JPJ <i>Mobile</i>.</li> </ul>

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
27.	Adakah terdapat perubahan bayaran fi LKM atau cukai jalan setelah pelaksanaan Pendigitalan LKM ini?	Kadar bayaran fi LKM bagi semua kenderaan adalah sama dan tiada peningkatan bayaran tambahan susulan dari pelaksanaan ini. Bahkan melalui inisiatif Pendigitalan LKM sepenuhnya, ianya akan menjimatkan masa dan kos kepada pengguna.
28.	Apakah kaedah pembayaran yang diterima di MyJPJ?	<p>Pelanggan boleh membuat pembayaran menggunakan kad kredit atau kad debit tempatan sahaja.</p> <p>Pembayaran menggunakan <i>bank transfer</i> dan <i>eWallet</i> sedang dibangunkan dan akan dimaklumkan setelah tersedia kelak.</p>
29.	Bagaimana saya hendak membuat pembayaran pembaharuan LKM di MyJPJ?	<p>Terdapat dua (2) capaian menu untuk membuat pembaharuan LKM di aplikasi MyJPJ iaitu:</p> <p><b>a. Menu Semakan/Pembaharuan LKM</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Masukkan Nombor Kenderaan;</li> <li>ii. Klik butang 'Hantar';</li> <li>iii. Maklumat kenderaan dipaparkan;</li> <li>iv. Klik butang 'Pembaharuan';</li> <li>v. Pilih Tempoh;</li> <li>vi. Pilih Mod Bayaran;</li> <li>vii. Masukkan maklumat Kad Kredit / Kad Debit;</li> <li>viii. Klik butang '<i>Proceed</i>';</li> <li>ix. Kod Keselamatan/MSOS akan dihantar ke telefon bimbit oleh bank perkhidmatan yang digunakan;</li> <li>x. Masukkan Kod Keselamatan; dan</li> <li>xi. Paparan maklumat LKM terkini. Tekan butang 'Resit' untuk muat turun resit bayaran. Resit yang dipaparkan adalah resit ASAL.</li> </ol> <p><b>b. Profil Pengguna</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Klik tab 'Lesen Kenderaan Motor';</li> <li>ii. Pilih Nombor Kenderaan untuk Pembaharuan LKM;</li> <li>iii. Klik butang 'Pembaharuan';</li> <li>iv. Pilih Tempoh;</li> </ol>

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
		v. Pilih Mod Bayaran; vi. Masukkan maklumat Kad Kredit / Kad Debit; vii. Klik butang 'Proceed'; viii. Kod Keselamatan/MSOS akan dihantar ke telefon bimbit oleh bank perkhidmatan yang digunakan; ix. Masukkan kod keselamatan; dan xii. Paparan maklumat LKM terkini. Tekan butang 'Resit' untuk muat turun resit bayaran. Resit yang dipaparkan adalah resit ASAL.
30.	Adakah maklumat LKM yang telah diperbaharui akan terus dipaparkan di Profil Pengguna?	Ya, maklumat LKM terkini akan dipaparkan. Sekiranya rekod LKM masih menunjukkan rekod lama, klik butang 'Jana Semula'.
<b>F. SEJARAH TRANSAKSI</b>		
31.	Bagaimanakah sekiranya saya mahu menyemak rekod pembayaran terdahulu?	Semakan boleh dibuat di modul Sejarah Transaksi bagi pembayaran di semua saluran JPJ (MyJPJ kaunter/portal/kios) untuk tempoh maksimum sehingga dua (2) tahun.  Pelanggan perlu memasukkan kriteria carian seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>a. No. Resit – TIDAK WAJIB</li> <li>b. No. Transaksi – TIDAK WAJIB</li> <li>c. Tarikh Mula – WAJIB</li> <li>d. Tarikh Akhir – WAJIB</li> <li>e. Saluran Bayaran – WAJIB</li> </ul>
32.	Apakah status pembayaran yang dipaparkan di aplikasi MyJPJ?	Terdapat tiga (3) status pembayaran di MyJPJ iaitu: <ul style="list-style-type: none"> <li><b>a. Berjaya</b> Bayaran yang berjaya akan disertakan dengan pautan untuk muat turun resit bayaran.</li> </ul> Terdapat dua status resit iaitu ASAL dan SALINAN. Paparan resit di Sejarah Transaksi adalah SALINAN.

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
		<p><b>b. Pending</b> Semakan semula selepas 15 minit di modul Sejarah Transaksi.</p> <p><b>c. Gagal</b> Bayaran tidak berjaya. Cuba semula selepas 15 minit.</p>
33.	Sekiranya pembayaran saya <i>pending</i> , adakah saya boleh membuat bayaran seterusnya?	<p>Pembayaran bagi transaksi yang sama adalah tidak dibenarkan. Anda perlu menunggu selama 15 minit untuk sistem mengemaskini status bayaran anda.</p> <p>Namun, anda boleh meneruskan pembayaran bagi transaksi lain.</p>
<b>G. BAYARAN BALIK/REFUND</b>		
34.	Sekiranya saya memohon pembayaran balik fi LKM, adakah saya masih perlu menyerahkan disk LKM yang asal?	<p>Pemilik kenderaan persendirian yang telah memperbaharui LKM sebelum 10 Februari 2023 masih perlu mengemukakan disk fizikal LKM semasa membuat tuntutan bayaran balik.</p> <p>Bagaimanapun, SOP ini dikecualikan bagi pemilik kenderaan persendirian (Warganegara) yang telah memperbaharui LKM pada dan selepas 10 Februari 2023.</p>
35.	Sekiranya saya membuat pembaharuan LKM melalui aplikasi MyJPJ, apakah dokumen sokongan yang perlu saya kemukakan sekiranya saya memohon pembayaran balik LKM tersebut?	<p>Dokumen sokongan yang perlu dikemukakan bagi Bayaran Balik e-LKM ialah:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Borang JPJ K6.</li> <li>Salinan ID Pemunya Berdaftar. Bagi permohonan yang dilakukan oleh wakil, perlu disertakan bersama ID asal dan salinan ID wakil.</li> <li>Salinan 'Butir-butir Bayaran Balik LKM' yang dicetak daripada Sistem mySIKAP atau resit e-Khidmat (Urusniaga Pertukaran Hak Milik bagi transaksi yang dilakukan di MyEG(Agen Pemungut).</li> <li>Maklumat nama dan nombor akaun pemunya berdaftar e-Penyata Akaun Bank/Penyata Akaun Bank Ringkas beserta <i>Letterhead</i> Bank/Penyata Akaun Bank Terperinci</li> </ol>

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
		<p>beserta <i>Letterhead</i> Bank).</p> <p>e. Pengesahan perwakilan kuasa pemilik kenderaan (pemunya berdaftar) kepada wakil.</p> <p>(Rujukan: Garis Panduan Bayaran Balik Fi LKM Digital - e-LKM)</p>
36.	<p>Sekiranya terdapat masalah teknikal semasa saya membuat pembaharuan LKM/LMM melalui aplikasi MyJPJ yang menyebabkan berlaku pembayaran dua (2) kali atau pembayaran tanpa mendapatkan perkhidmatan (Bayaran Balik Selain Pembatalan LKM), apakah dokumen sokongan yang perlu saya kemukakan sekiranya saya membuat tuntutan bayaran balik?</p>	<p>Dokumen sokongan yang perlu dikemukakan bagi Bayaran Balik selain Pembatalan LKM ialah:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Permohonan Pulangan Balik Hasil selain LKM secara bertulis.</li> <li>Salinan Resit Rasmi.</li> <li>Salinan ID Pemohon/Pemegang Kad Kredit/ Kad Debit.</li> <li>Maklumat nama dan nombor akaun bank pemegang Kad Kredit/Kad Debit (Penyata akaun bank ringkas beserta <i>Letterhead</i>).</li> <li>Pihak JPJ berhak meminta dokumen-dokumen lain yang berkaitan untuk menyokong tuntutan yang dibuat sekiranya diperlukan.</li> </ol> <p>(Rujukan: SOP HA07)</p>
37.	<p>Ke manakah saya perlu kemukakan permohonan bayaran balik?</p>	<p>Permohonan bayaran balik boleh dikemukakan mengikut saluran pembaharuan LKM/LMM dibuat seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Pembaharuan melalui Kaunter/Kios/JPJ <i>Mobile</i> – dikemukakan secara manual kepada Cawangan JPJ berhampiran.</li> <li>Pembaharuan melalui Portal mySIKAP / Aplikasi MyJPJ – dikemukakan ke Bahagian Hasil, JPJ melalui Sistem Pengurusan Aduan</li> </ol>

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
		<p data-bbox="708 226 1066 264">Awam (SISPAA) JPJ.</p> <p data-bbox="635 315 1474 472">c. Pembaharuan melalui rakan strategik (MyEG/POS Malaysia/PUSPAKOM) – dikemukakan kepada saluran yang berkenaan.</p>